

Bil. S 36

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3) dan (5))

PERINTAH PERBEKALAN TAMBAHAN (2015/2016) (BIL. 1), 2017

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan suatu Pemasyhuran Darurat bertarikh 26 haribulan Januari 2017 telah mengisytiharkan dan memasyhurkan mulai dari tarikh tersebut suatu keadaan darurat bagi seluruh Negara Brunei Darussalam.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa apabila suatu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran tersebut berkuat kuasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat apa jua Perintah pun yang Baginda fikirkan dikehendaki bagi kepentingan orang ramai.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dengan Perintah tersebut, membuat semua peruntukan kewangan yang difikirkan perlu oleh Baginda selama tempoh darurat itu, termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam.

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang lima bilion tujuh ratus juta ringgit (\$5,700,000,000.00) telah diperuntukkan oleh Akta Perbekalan (2015/2016), 2015 (Akta 1 tahun 2015).

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak dua ratus dua juta, dua ratus empat puluh ribu, lima ratus empat puluh sembilan ringgit dan tiga puluh tujuh sen (\$202,240,549.37).

OLEH YANG DEMIKIAN MAKA, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dan (5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perbekalan Tambahan (2015/2016) (Bil. 1), 2017.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2015/2016 dan peruntukan

2. [1] Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi dua ratus dua juta, dua ratus empat puluh ribu, lima ratus empat puluh sembilan ringgit dan tiga puluh tujuh sen (\$202,240,549.37) dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perbelanjaan ke atas perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual bagi tahun 2015/2016, yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan (2015/2016), 2015 (Akta 1 tahun 2015), adalah dengan ini dibenarkan.

[2] Bagi maksud-maksud ceraihan (1), jumlah wang yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual adalah diperuntukkan bagi tajuk perbelanjaan yang dinyatakan dalam ruang pertama.

JADUAL

[1] Tajuk perbelanjaan	[2] Gelaran	[3] Jumlah wang yang diperuntukkan
JABATAN PERDANA MENTERI		
SA02A	Jabatan Adat Istiadat Negara	\$99,000.00
SA08A	Radio Televisyen Brunei	\$7,000,000.00
SA24A	Jabatan Perkhidmatan Elektrik	\$30,938,043.83
KEMENTERIAN PERTAHANAN		
SB02A	Angkatan Bersenjata Diraja Brunei	\$37,900,000.00
KEMENTERIAN KEWANGAN		
SD08A	Perkhidmatan Rampaian HMSF	\$38,744,500.00
KEMENTERIAN PENDIDIKAN		
SF01A	Jabatan Kementerian Pendidikan	\$8,127,032.29
SF02A	Universiti Brunei Darussalam	\$5,075,685.00
SF04A	Institut Teknologi Brunei	\$1,256,892.58
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN		
SK01A	Jabatan Kementerian Pembangunan	\$27,929,800.00
SK03A	Jabatan Kerja Raya	\$6,588,682.02
SK06A	Jabatan Tanah	\$43,000.00

JADUAL (Sambungan)

[1] Tajuk perbelanjaan	[2] Gelaran	[3] Jumlah wang yang diperuntukkan
SK07A	Jabatan Ukur	\$250,000.00
SK08A	Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi	\$3,718,251.80
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN		
SL01A	Jabatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan	\$1,003,619.00
SL05A	Pusat Sejarah	\$50,000.00
KEMENTERIAN KESIHATAN		
SM01A	Jabatan Kementerian Kesihatan	\$3,735,629.00
SM02A	Jabatan Perkhidmatan Perubatan	\$18,197,800.00
SM03A	Jabatan Perkhidmatan Kesihatan	\$258,157.00
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN		
SN01A	Jabatan Kementerian Perhubungan	\$5,709,821.40
SN04A	Jabatan Penerbangan Awam	\$5,331,114.45
SN06A	Jabatan Perkhidmatan Pos	\$30,000.00
SN08A	Jabatan Kajicuaca	\$253,521.00
		\$202,240,549.37

Diperbuat pada hari ini 11 haribulan Rejab, Tahun Hijrah 1438 bersamaan dengan 8 haribulan April, 2017 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM